

28/10/2002

Jais diarah siasat SAR seleweng bantuan

Md Fuzi Abd Lateh

KUALA KUBU BHARU, Ahad -Kerajaan Selangor mempunyai bukti kukuh ada Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang menyalahgunakan bantuan kerajaan untuk kegunaan pihak tertentu.

Berikutan itu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, mengarahkan pihak berkenaan mengambil langkah segera menyiasat penyelewengan itu.

"Saya sudah arahkan pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dengan kerjasama beberapa pihak termasuk pejabat daerah, wakil rakyat dan jawatankuasa khas yang dilantik untuk bersama 'turun padang' bagi memantau penyalahgunaan geran peruntukan kerajaan itu.

"Ketika ini, kerajaan negeri bersetuju menghentikan sementara peruntukan bantuan kepada sekolah terbabit bagi mengenal pasti punca dan sebab penyelewengan itu.

"Kita sedang mengesan beberapa sekolah di negeri ini dan mempunyai bukti kukuh mengenai penyalahgunaan wang kerajaan itu untuk kepentingan peribadi pihak tertentu. Cuma kerajaan tidak mahu mendedahkan identiti mereka kerana tidak mahu memalukan mana-mana pihak.

"Geran peruntukan untuk membina SAR negeri ini juga diberhentikan sementara sehingga siasatan selesai dilakukan," katanya kepada pemberita selepas berucap di Program Mesra Rakyat dengan penduduk Hulu Selangor di Dataran Niaga Sungai Dusun, Kampung Soeharto dekat sini malam semalam.

Beliau mengulas laporan Berita Harian Sabtu lalu, mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menghentikan sementara peruntukan bantuan kepada semua SAR yang didakwa mencaci kerajaan dan menyalahgunakan wang itu.

Bagaimanapun, Dr Mohamad Khir enggan mengulas mengenai jumlah sebenar sekolah yang terbabit di negeri ini dan kedudukan sekolah itu.

Katanya, kerajaan negeri sudah mempunyai data sebenar dan siasatan lanjut masih diteruskan lagi.

"Kerajaan Pusat mengarahkan semua negeri menjalankan penyiasatan segera dan menghantar laporan mengenai status sekolah berkenaan.

"Kita berjanji mengambil tindakan tegas termasuk perundangan kepada pihak terbabit yang didapati terbabit.

"Tindakan ini difikirkan wajar bagi menyedarkan pihak berkenaan supaya memberikan pendidikan agama yang sempurna kepada anak-anak mengikut sukatan yang ditetapkan," katanya.